

DATE: 29/9/2009

Mengetepikan kepentingan pihak lain terutama swasta

GLC dipengaruhi 'kuasa besar'

Oleh FAIZAH IZZANI ZAKARIA
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 28 Sept. – Corak pentadbiran korporat dalam banyak syarikat milik kerajaan (GLC) kini terlalu dipengaruhi pihak yang berkuasa besar dalam kerajaan sehingga mengetepikan kepentingan pihak lain terutama swasta.

Pandangan itu disuarakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, aspek pentadbiran korporat yang baik semakin diabaikan GLC sehingga akhirnya memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

“Pentadbiran korporat yang baik semakin terabai apabila banyak pihak termasuk yang berkuasa besar di

dalam kerajaan, ahli keluarga serta kroni mereka terlibat sama termasuk mendapat jawatan yang asalnya tidak ada di dalam syarikat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk *Bagaimana Pentadbiran Korporat Mampu Membantu Ekonomi Malaysia* pada Persidangan Pentadbiran Korporat 2009 di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, kesan daripada sikap sesetengah GLC itu menyebabkan sektor swasta terpaksa menerima kesan buruk seperti dinafikan hak mendapat projek yang



MAHATHIR MOHAMAD

layak mereka peroleh.

“Sikap yang telah mengabaikan pentadbiran korporat ini membawa kepada struktur anarki dan sektor swasta semakin hilang keyakinan kepada kerajaan. Perkembangan ekonomi tidak boleh terbantut disebabkan perkara ini,” katanya.

Justeru beliau berkata, aspek pentadbiran korporat perlu dihormati dan dilaksanakan

dengan jujur serta sebaik mungkin supaya ekonomi Malaysia mampu bergerak selangkah lagi ke peringkat lebih baik.

Dr. Mahathir berkata, syarikat pe-

ngeluar kereta nasional Proton merupakan contoh terpenting pentadbiran korporat yang baik di dalam sesebuah syarikat amat penting.

“Kemelut pengurusan dalam Proton tidak lama dulu telah memberi kesan buruk kepada pertumbuhan syarikat itu.

“Ia adalah pengajaran kepada kita bahawa peranan di dalam aspek ini perlu dilihat dengan teliti dan berhati-hati,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, ada juga GLC yang mampu mengamalkan pentadbiran korporat baik sehingga berupaya mencatat keuntungan banyak sekali gus memberi faedah kepada kerajaan.

“Kita dapat lihat Petronas mengamalkan struktur korporat yang sangat dihormati. Walaupun ia dimiliki

kerajaan 100 peratus namun penguasaan syarikat dilakukan sepenuhnya sendiri tanpa campur tangan kerajaan.

Sementara itu, Dr. Mahathir pada sidang akhbar selepas itu berkata, isu parti politik yang dibiayai syarikat-syarikat tertentu bukanlah perkara yang baru.

Beliau yang diminta mengulas mengenai saranan Transparency International Malaysia supaya parti-parti politik mendedahkan sumber pembiayaan berkata, isu tersebut berlaku di mana-mana saja di seluruh dunia.

“Parti politik dengan jelas perlukan dana kerana tanpanya ia tidak dapat berfungsi. Sehingga sekarang semua negara melakukan perkara itu cuma sumber itu dari mana itu yang menjadi isu,” katanya.

um-29/9/2009